


## **POLISI HADIAH DAN HOSPITALITI/KERAIAN**

### 1. Pemberian Hadiah/ Hospitaliti/ Keraian

- a. Kakitangan SGVMSB adalah **DILARANG** untuk memberi dan tidak boleh membenarkan Ahli Keluarganya atau mana-mana orang lain memberikan bagi pihaknya atau bagi pihak Ahli Keluarganya, secara langsung atau secara tidak langsung, apa-apa Hadiah, Hospitaliti/ Keraian (sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya) kepada mana-mana orang, persatuan, badan, atau kumpulan orang, jika:
  - i. Pemberian Hadiah, Hospitaliti/Keraian itu mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pelaksanaan tugas rasmi kakitangan tersebut; dan/atau
  - ii. Bentuk, amanun atau nilai Hadiah, Hospitaliti/Keraian itu tidak sepadan dengan maksud Hadiah, Hospitaliti/ Keraian itu diberikan.
- b. Kakitangan SGVMSB adalah **DIBENARKAN** untuk memberi Hadiah, Hospitaliti/ Keraian dan/ atau Hadiah Korporat:
  - i. Kepada tetamu khas yang merasmikan atau yang terlibat dalam apa-apa majlis rasmi SGVMSB, atau ketika kunjungan hormat;
  - ii. Untuk melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat/ Corporate Social Responsibility (“CSR”) kepada rakyat Negeri dan sebagai tanda keprihatinan SGVMSB kepada rakyat Negeri namun tertakluk kepada tatacara dan prosedur SGVMSB yang telah ditetapkan;
  - iii. Customer Satisfaction Index (CSI) – pemberian buah tangan kepada responden yang menjawab soalan yang diberi oleh pejabat kawasan / pejabat wilayah bagi tujuan mengenal pasti tahap kepuasan pelanggan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pejabat tersebut;
  - iv. Untuk mempromosi Anak Syarikat SGVMSB kepada Pihak Luar adalah dibenarkan seperti:
    - meraikan tetamu di restoran, pusat konvensyen atau hotel-hotel anak syarikat SGVMSB; atau
    - baucar makanan atau penginapan di hotel-hotel anak syarikat SGVMSB.



---

Ahli Badan Pentadbir

**TN. HJ JAMILULLAIL BIN MD SAPIE**

Pengarah Eksekutif

Tarikh: 25 Julai 2025


## **POLISI HADIAH DAN HOSPITALITI/KERAIAN**

### 2. Penerimaan Hadiah/ Hospitaliti/ Keraian

- a. Kakitangan SGVMSB adalah **DILARANG** daripada menerima dan tidak boleh membenarkan Ahli Keluarganya atau mana-mana orang lain menerima bagi pihaknya, secara langsung atau secara tidak langsung, apa-apa Hadiah, Hospitaliti/Keraian (sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya) daripada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang, jika:
  - i. Penerimaan Hadiah, Hospitaliti/Keraian itu mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pelaksanaan tugas rasmi kakitangan tersebut; dan/atau
  - ii. Bentuk, amaun atau nilai Hadiah, Hospitaliti/ Keraian yang diterima itu tidak sepadan dengan maksud Hadiah, Hospitaliti/ Keraian itu diterima

SGVMSB juga memantau dan mengkaji semula maklumat tentang pihak yang berkepentingan ini dan keperluan mereka yang relevan.

- b. Penerimaan Hadiah, Hospitaliti/Keraian merupakan satu kesalahan **SEKIRANYA:**
  - i. Hadiah, Hospitaliti/ Keraian itu diterima atau diminta tanpa niat atau dengan niat rasuah (corruptly or with corrupt intention) bahawa ia adalah satu dorongan atau upah kepada Kakitangan SGVMSB bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan sesuatu perbuatan berkaitan dengan tugas rasminya.
  - ii. Orang yang memberi Hadiah, Hospitaliti/ Keraian itu mempunyai hubungan dan urusan rasmi dengan Kakitangan SGVMSB itu sendiri atau dengan kakitangan bawahannya dan pemberian Hadiah, Hospitaliti/ Keraian tersebut tidak dibuat dengan ikhlas sebaliknya ia dilakukan dengan satu niat jenayah; atau
  - iii. Hadiah, Hospitaliti/ Keraian yang diterima dengan niat jenayah daripada seseorang, yang Kakitangan SGVMSB itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan oleh Kakitangan tersebut.



Ahli Badan Pentadbir

**TN. HJ JAMILULLAIL BIN MD SAPIE**

Pengarah Eksekutif

Tarikh: 25 Julai 2025